

PM ke Fukuoka selepas tertanggung akibat taufan

FUKUOKA 6 Ogos - Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad akan berada di Fukuoka pada Rabu bagi lawatan kerja yang telah dijadualkan semula ekoran amaran taufan, untuk berucap pada dua majlis syarahan tahunan penting mengenai kepimpinan.

Dr. Mahathir, yang pada mulanya dijadual berada di Fukuoka pada Selasa tetapi telah menangguhkan ketibaannya ke keesokan harinya ekoran amaran taufan, akan menyampaikan syarahan di

sebuah sekolah musim panas, Sekolah Pemimpin Masa Depan Jepun (JFLS), pada Rabu dan di Institut Kepimpinan Kyushu-Asia (KAIL) pada Khamis.

Duta Malaysia ke Jepun, Datuk Kennedy Jawan berkata, Dr. Mahathir menjadi penyampai utama syarahan di sekolah musim panas itu dan di KAIL setiap tahun, dan pada tahun ini, beliau membuat penampilan kali ke-16 di JFLS dan ke-15 di KAIL.

Dr. Mahathir dijadual meny-

ampaikan syarahan mengenai Bagaimana Sains dan Teknologi dapat menyumbang kepada Keamanan Dunia di JFLS dan mengenai Dilema Baru di Asia yang Tumbuh Pesat di KAIL.

"Mereka sentiasa ingin mendengar pendekatan beliau (Dr Mahathir) kepada bidang sains dan bidang-bidang lain. Mereka tahu beliau mempunyai



KENNEDY JAWAN

banyak idea," kata Kennedy kepada wartawan Malaysia yang membuat liputan lawatan kerja Dr. Mahathir ke Fukuoka itu pada Selasa.

Lebih 2,000 pelajar sekolah tinggi menghadiri program tahun ini di JFLS, termasuk empat dari Malaysia, katanya.

Yang lain adalah dari Jepun, Korea Selatan, Vietnam, Mongolia, Thailand dan China. - BERNAMA